

Kelemahan tidak harus dipandang negatif: Mahathir

BR 1 JUN 1991

MELAKA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap golongan tertentu yang hanya berminat mencari kelemahan dan kecacatan sesuatu program kerajaan tanpa mengkajinya secara menyeluruh dan memberi cadangan membina bagi menjayakannya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ada kelemahan dan kecacatan dalam setiap perancangan kerajaan, namun setiap kelemahan itu boleh diperbaiki agar menjadi lebih tersusun dan mampu mencapai matlamatnya.

Sehubungan itu, katanya, setiap kelemahan dan kecacatan tidak harus dipandang secara negatif, sebaliknya langkah wajar perlu diambil bagi mengatasi masalah berkenaan.

"Tidak dinafikan, sebagai manusia biasa, kita tidak dapat melaksanakan sesuatu perancangan dengan sempurna. Namun, jika kita berusaha mencari jalan mewujudkan sebuah program teratur, tersusun dan selepas dikaji dengan mendalam,

kemungkinan kecacatan dan kelemahan itu dapat dikurangkan.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk membetulkan segala kelemahan dan kecacatan supaya program yang dirancang dapat diteruskan sehingga matlamatnya tercapai," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Hari Belia Negara dan Pelancaran Rasmi Program Induk Belia Negara di Stadium Kubu di sini.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Haji Sakaran Dandai dan Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Mohd Tajul Rosli Ghazali.

Perdana Menteri berkata, sesuatu usaha yang dibuat tanpa perancangan teliti bukan sahaja boleh menemui kegagalan, malah mungkin membawa keburukan. Sebaliknya, jika dirancang dan diteliti segala baik buruknya, kemungkinan sesuatu yang mungkin membawa kebu-

rukan kepada rakyat, dapat dielakkan.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak bekerjasama dan menumpu perhatian kepada usaha mencari jalan menyelesaikan segala masalah yang wujud bagi memastikan kejayaan setiap program kerajaan.

Mengenai Wawasan 2020, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tanggungjawab golongan belia untuk menjayakannya kerana merekalah yang akan mendapat nikmat daripada wawasan itu nanti.

Menurutnya, jika golongan belia hari ini tidak memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha menjayakan wawasan itu, ia akan hanya tinggal wawasan semata-mata tanpa memberi sebarang manfaat.

"Sempena pelancaran rasmi Program Induk Belia Negara hari ini, saya berharap semua belia menganggapnya sebagai titik permulaan usaha untuk mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya.